APO-HYDROCHLOROTHIAZIDE TABLET

Hydrochlorothiazide (25mg,50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Hydrochlorothiazide
2. Bagaimana Apo-Hydrochlorothiazide berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Hydrochlorothiazide
4. Cara menggunakan Apo-Hydrochlorothiazide
5. Semasa menggunakan Apo-Hydrochlorothiazide
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Hydrochlorothiazide
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Apo-Hydrochlorothiazide

Hydrochlorothiazide digunakan untuk merawat penahanan cecair (edema) kepada mereka yang mengalami kegagalan jantung kongestif, sirosis hati, atau gangguan buah pinggang, atau edema yang disebabkan oleh mengambil steroid atau estrogen.

Ubat ini juga digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (hipertensi).

Bagaimana Apo-Hydrochlorothiazide berfungsi

Hydrochlorothiazide adalah diuretik thiazide (pil air) yang membantu menghalang penyerapan semula garam yang terlalu banyak dari ginjal yang boleh menyebabkan penahanan cecair.

Sebelum menggunakan Apo-Hydrochlorothiazide

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan produk ini jika anda:

- alah kepada hydrochlorothiazide, atau sebarang bahan-bahan dalam ubat ini.
- alah kepada ubat yang berasal daripada sulfonamida (ubat sulfa); kebanyakannya mengandungi bahan aktif yang berakhir dengan "-MIDE".
- menghadapi kesukaran membuang air kecil atau tidak membuang air kecil sama sekali.
- sedang menyusu. Hydrochlorothiazide boleh masuk ke dalam susu ibu.
- menghidap salah satu penyakit keturunan yang jarang berlaku:
  - Intoleransi galaktosa
  - Kekurangan laktase Lapp
  - Malabsorpsi glukosa-galaktosa

Ini kerana laktosa adalah salah satu bahan tidak aktif yang terkandung dalam Apo-Hydrochlorothiazide.

Kehamilan dan penyusuan

Jangan ambil Apo-Hydrochlorothiazide jika anda mengandung, sedang cuba untuk hamil atau mengesyaki anda mungkin hamil.

Jangan ambil Apo-Hydrochlorothiazide jika anda sedang menyusu. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Apo-Hydrochlorothiazide

Beritahu doktor anda sebelum mengambil Apo-Hydrochlorothiazide jika anda:

- alah kepada penisilin
- menhidap penyakit diabetes, penyakit hati atau buah pinggang
- menghidap penyakit lupus atau gout
- mengalami dehidrasi atau muntah, cirit birit, peluh berlebihan
- berumur kurang daripada 18 tahun
- pernah menghidap kanser kulit atau mempunyai sejarah keluarga yang menghidap kanser kulit atau jika anda mengalami lesi kulit yang tidak dijangka semasa rawatan. Rawatan dengan hydrochlorothiazide, terutamanya penggunaan jangka panjang dengan dos tinggi, boleh meningkatkan risiko beberapa jenis kanser kulit dan bibir (kanser kulit bukan melanoma). Lindungi kulit anda daripada pendedahan cahaya matahari dan sinaran UV semasa mengambil Apo-Hydrochlorothiazide.
- mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk menghidap kanser kulit seperti mempunyai kulit yang cerah, kulit yang mudah terbakar akibat matahari, atau sedang mengambil ubat untuk menekan sistem imun.
- mengalami masalah pernafasan atau paru-paru (termasuk keradangan atau cecair dalam paru-paru) selepas pengambilan hydrochlorothiazide sebelum ini. Jika anda mengalami sesak nafas teruk atau kesukaran bernafas selepas mengambil Apo-Hydrochlorothiazide, dapatkan rawatan segera.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Seperti ubat pada umumnya, interaksi dengan ubat lain mungkin terjadi. Beritahu pakar penjagaan kesihatan anda tentang semua ubat yang anda ambil, termasuk ubat yang ditetapkan oleh doktor lain, vitamin, mineral, suplemen semula jadi, atau ubat alternatif.

Ubat berikut mungkin berinteraksi dengan Apo-Hydrochlorothiazide:

- Alkohol, barbiturat (ubat tidur), or narcotik (ubat sakit yang kuat). Ia boleh menyebabkan tekanan darah rendah dan pening apabila anda bangun dari posisi berbaring atau duduk.
- Amphotericin B, ubat antikulat.
- Ubat anticancer, termasuk cyclophosphamide dan methotrexate.
- Ubat antidepresan, terutamanya selective serotonin reuptake inhibitors (SSRIs), termasuk citalopram, escitalopram, dan sertraline.
- Ubat antidiabetes, termasuk insulin dan ubat oral.
- Resin asid hempedu yang digunakan untuk menurunkan kolesterol.
- Suplemen calcium atau vitamin D.
- Kortikosteroid digunakan untuk merawat sakit dan bengkak sendi.
- Digoksin, ubat jantung.
- Ubat yang memperlahankan atau mempercepatkan fungsi usus, termasuk atropine, metoclopramide, dan domperidone.
- Ubat yang digunakan untuk

APO-HYDROCHLOROTHIAZIDE TABLET

Hydrochlorothiazide (25mg,50mg)

merawat epilepsi, termasuk carbamazepine dan topiramate.
- Ubat yang digunakan untuk merawat gout, termasuk allopurinol dan probenecid.
- Litium, digunakan untuk merawat penyakit bipolar.
- Ubat anti-radang bukan steroid (NSAID), digunakan untuk mengurangkan kesakitan dan bengkak. Contohnya termasuk ibuprofen, naproxen, dan celecoxib.
- Ubat lain yang menurunkan tekanan darah, termasuk ACE inhibitor dan Angiotensin II receptor antogonist. Apabila diambil bersama dengan hydrochlorothiazide, ia boleh menyebabkan tekanan darah menjadi terlalu rendah.
- Ubat relaksan otot yang digunakan untuk melegakan kekejangan otot, termasuk tubocurare.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Apo-Hydrochlorothiazide

- Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa penyelenggaraan untuk orang dewasa untuk rawatan penahanan cecair (diuresis) adalah 25-100mg sehari bergantung kepada tindak balas pesakit. Dos dewasa biasa untuk tekanan darah tinggi 25-50mg sekali atau dua kali setiap hari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan pengeluaran air kencing yang lebih banyak (diuresis), atau dehidrasi.

Semasa menggunakan Apo-Hydrochlorothiazide

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Hydrochlorothiazide.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa menggunakan ubat ini.

Risiko kanser kulit:
- Pastikan sentiasa memeriksa kulit anda untuk sebarang lesi baru. Periksa kawasan yang paling terdedah kepada cahaya matahari, seperti muka, telinga, tangan, bahu, dada atas dan belakang.
- Hadkan pendedahan cahaya matahari dan penggunaan *tanning bed*. Sentiasa gunakan pelindung matahari (SPF-30 atau lebih tinggi) dan pakai pakaian pelindung apabila berada di luar.
- Berbincang dengan doktor anda dengan segera jika anda menjadi lebih sensitif kepada cahaya matahari atau cahaya UV atau jika anda mengalami lesi kulit yang tidak dijangka (seperti benjolan, timbul, luka, atau tompokan) semasa rawatan.

Hydrochlorothiazide dalam Apo-Hydrochlorothiazide boleh menyebabkan gangguan fungsi mata secara tiba-tiba:
- Miopia: rabun jauh secara tiba-tiba atau penglihatan kabur.
- Glaukoma: peningkatan tekanan dalam mata, sakit mata. Jika tidak dirawat, ia boleh menyebabkan kehilangan penglihatan secara kekal.

Gangguan fungsi mata ini adalah saling berkaitan dan boleh menjadi teruk dalam beberapa jam hingga minggu selepas memulakan Apo-Hydrochlorothiazide.

Anda mungkin menjadi sensitif terhadap cahaya matahari semasa mengambil Apo-Hydrochlorothiazide. Pendedahan kepada cahaya matahari harus dikurangkan sehingga anda mengetahui bagaimana tubuh anda bertindak balas.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Hydrochlorothiazide dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera

APO-HYDROCHLOROTHIAZIDE TABLET

Hydrochlorothiazide (25mg,50mg)

dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Hydrochlorothiazide boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan termasuk:
- kekejangan otot, sawan, dan sakit, kelemahan, gelisah
- pening, rasa semut-semut pada jari, sakit kepala
- sembelit, cirit-birit, loya, muntah, selera makan berkurang, sakit perut, pembesaran kelenjar dalam mulut anda
- nafsu seksual berkurang
- pendarahan di bawah kulit, ruam, tompok merah pada kulit

Jika mana-mana daripada ini memberi kesan yang teruk kepada anda, beritahu doktor, jururawat atau ahli farmasi anda.

Apo-Hydrochlorothiazide boleh menyebabkan keputusan ujian darah yang tidak normal. Doktor anda akan menentukan bila untuk melakukan ujian darah dan akan mentafsirkan keputusannya.

Biasa:
- Tekanan Darah Rendah: pening, pengsan, rasa ringan di kepala. Boleh berlaku ketika anda bangun dari posisi berbaring atau duduk.
- Paras kalium dalam darah berkurang: degupan jantung tidak teratur, kelemahan otot dan rasa tidak sihat secara umum

Tidak Biasa:
- Reaksi Alahan: ruam, gatal-gatal, bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak, kesukaran menelan atau bernafas
- Masalah Buah Pinggang: perubahan dalam kekerapan membuang air kecil, loya, muntah, bengkak pada anggota badan, keletihan
- Masalah Hati: kulit atau mata menjadi kuning, air kencing pekat, sakit perut, loya, muntah, hilang selera makan
- Peningkatan Paras Gula Darah: kerap membuang air kecil, haus, dan rasa lapar
- Ketidakseimbangan Elektrolit: kelemahan, mengantuk, sakit atau kejang otot, degupan jantung tidak teratur

Jarang:
- Platelet menurun: lebam, pendarahan, keletihan dan kelemahan
- Sel darah putih menurun: jangkitan, keletihan, demam, kesakitan, dan simptom seperti selesema

Sangat Jarang:
- Nekrolisis Epidermal Toksik: pengelupasan kulit yang teruk, terutamanya di mulut dan mata
- Sindrom gangguan pernapasan akut (tanda-tanda termasuk sesak nafas yang teruk, demam, lemah dan keliru).

Tidak diketahui:
- Gangguan Fungsi Mata: Efusi koroid: pengumpulan cecair yang tidak normal di dalam mata yang boleh mengakibatkan perubahan penglihatan; Miopia akut: rabun jauh secara tiba-tiba atau penglihatan kabur; Glaukoma sudut tertutup akut: peningkatan tekanan dalam mata secara cepat, sakit mata. Jika tidak dirawat, ia boleh menyebabkan kehilangan penglihatan secara kekal.
- Anemia: keletihan, kehilangan tenaga, kelemahan, sesak nafas.
- Radang Pankreas: sakit perut yang berpanjangan dan bertambah teruk apabila berbaring, loya, muntah
- Kanser kulit dan bibir (Kanser kulit bukan melanoma): ketulan atau tompok kulit yang berubah warna dan kekal selapas beberapa minggu dan berubah secara perlahan. Ketulan kanser berwarna merah/merah jambu, keras dan kadang-kadang menjadi ulser. Tompok kanser biasanya rata dan bersisik.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Hydrochlorothiazide

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Apo-Hydrochlorothiazide 25mg: Berwarna merah jambu muda, bulat, rata permukaan, tepi serong. Salah satu permukaan bergarisan dan diukir APO atas 25.

Apo-Hydrochlorothiazide 50mg: Berwarna merah jambu muda bulat, rata permukaan, tepi serong. Salah satu permukaan bergarisan dan diukir APO atas 50.

- Bahan-bahan kandungan
- Bahan aktif
  Hydrochlorothiazide
- Bahan tidak aktif
  Lactose monohydrate, microcrystalline cellulose, starch, magnesium stearate, colloidal silicon dioxide dan sunset yellow aluminium lake 40%.

- Nombor MAL

Apo-Hydrochlorothiazide 25mg
MAL19984694ARZ

APO-HYDROCHLOROTHIAZIDE TABLET

Hydrochlorothiazide (25mg,50mg)

Apo-Hydrochlorothiazide 50mg
MAL19984688ARZ

Pengilang
Apotex Inc.
50 Steinway Boulevard, Etobicoke,
Ontario, Canada, M9W 6Y3.

Pemegang Pendaftaran Produk
Pharmaforte (M) Sdn Bhd.
2, Jalan PJU 3/49,
Sunway Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
05 Mac 2026

Nombor Siri
NPRA(R2/2)260305/00025